

28 AUG 1997

Sabaruddin-Umno

DR MAHATHIR SAMPAIKAN AMANAT PADA PERWAKILAN UMNO 3 SEPT

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan amanatnya kepada perwakilan Perhimpunan Agung Umno pada petang 3 Sept.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata semua ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, naib ketua bahagian, Ketua Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita, setiausaha, bendahari dan ketua penerangan daripada 165 bahagian Umno akan mendengar amanat itu.

Penyampaian amanat itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Mimos Berhad dan Putrade Property Management Sdn Bhd di sini hari ini.

"Dari segi persediaan, hampir semua sudah disiapkan, termasuk usul ... tinggal lagi nak memperkemaskinikan sahaja," katanya ketika ditanya mengenai persiapan Perhimpunan Agung Umno minggu depan.

Persidangan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita akan diadakan pada 4 Sept dan dirasmikan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala perhimpunan agung parti pada 5-7 Sept dirasmikan Dr Mahathir.

Sebanyak tiga usul - ucapan dasar Presiden, ekonomi yang meliputi sosial dan pendidikan serta usul agama - dibincangkan semasa perhimpunan agung.

Sabaruddin berkata beliau akan memberi taklimat mengenai persiapan itu kepada Dr Mahathir petang ini untuk keputusan terakhir persiapan.

Katanya Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin yang dipengerusikan Anwar juga akan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir petang ini.

Mengenai usul membuang perkataan "baru" pada nama Umno, beliau berkata satu perhimpunan khas diadakan pada 5 Sept untuk membincangkannya.

Katanya keputusan perhimpunan khas itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk tujuan membuang perkataan "baru" itu. --

BERNAMA

HS AHH